

GARIS PANDUAN BAGI PELAJAR YANG AKAN MENJALANI PRAKTIKUM PUSAT PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN LANJUTAN (PACE)

PENGENALAN

Praktikum merupakan satu syarat wajib bagi semua pelajar dalam program pengajian di Universiti Utara Malaysia (UUM) di akhir pengajian bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda bagi program masing-masing.

Bagi pelajar PJJ, sekiranya mempunyai pengalaman kerja kurang daripada 6 tahun, pelajar adalah diwajibkan menjalani praktikum di tempat kerja sedia ada atau memohon untuk menjalani praktikum di tempat yang dipilih sendiri oleh pelajar.

PROSES MENJALANI PRAKTIKUM

i. PERMOHONAN

- Pelajar perlu memohon untuk menjalani Praktikum dengan mengisi **Borang Permohonan Menjalani Praktikum** yang dikeluarkan oleh pihak PACE
- Pihak PACE akan mendapatkan pengesahan daripada majikan yang dipilih oleh pelajar
- Dokumen Praktikum akan diemelkan kepada Majikan dan Pelajar
- Permohonan yang lewat akan dibawa ke semester berikutnya.

ii. PENDAFTARAN

- Pelajar akan didaftarkan di dalam portal pelajar oleh unit praktikum PACE
- Yuran bagi praktikum adalah 8 Jam Kredit x RM150 = RM1200
- Pelajar perlu menyerahkan **Borang Pengesahan Lapor Diri** yang disahkan oleh majikan kepada PACE melalui emel dalam tempoh 7 hari berkerja

iii. KELEWATAN LAPOR DIRI

- Pelajar perlu mengemukakan surat tunjuk sebab kepada Pengarah PACE di atas kelewatan melapor diri di tempat praktikum
- Pelajar yang memulakan praktikum lewat dari tarikh yang ditetapkan perlu menghabiskan praktikum lewat iaitu perlu mencukupkan tempoh 4 bulan.
- Pelajar yang memulakan praktikum selepas sebulan lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dibenarkan melapor diri dan perlu membuat permohonan semula.

iv. PENANGGUHAN

- Pelajar dibenarkan memohon penangguhan praktikum sekiranya mendapat kemalangan / kecederaan / menghadapi gangguan kesihatan untuk tempoh yang agak lama semasa menjalani praktikum. Perakuan daripada Pegawai Perubatan yang sah diperlukan semasa mengemukakan permohonan penangguhan.
- Permohonan penangguhan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah PACE sebelum tempoh praktikum berakhir.

v. TARIK DIRI

- Pelajar boleh memohon Tarik Diri (TD) Setelah pendaftaran dibuat dalam tempoh sebulan dari tarikh bermulanya praktikum.
- Yuran pendaftaran RM1200.00 yang dikenakan tidak akan dikembalikan

TEMPOH MENJALANI PRAKTIKUM

Pelajar akan menjalani praktikum selama **Empat (4) bulan** daripada tempoh mula melapor diri di organisasi terlibat.

PERATURAN DAN TANGGUNGJAWAB

- PELAJAR

- Menghadiri taklimat oleh pihak PACE
- Berbincang dengan penyelia berkenaan skop kerja dan laporan yang perlu dibuat.
- Mematuhi disiplin dan peraturan di tempat praktikum
- Menjaga nama baik dan imej UUM
- Menjaga maklumat sulit syarikat
- Dilarang menggunakan peralatan pejabat tanpa mendapat kebenaran daripada pegawai yang bertanggungjawab
- Pelajar tidak dibenarkan untuk mengambil cuti sepanjang praktikum kecuali bagi kes-kes kecemasan seperti sakit atau kematian ahli keluarga terdekat. Pelajar perlu menggantikan cuti tersebut setelah kembali ke tempat praktikum
- Memastikan penyelia di organisasi menyemak dan menandatangani buku log sekurang-kurangnya sekali seminggu
- Memastikan borang kehadiran diisi dan ditandatangani oleh penyelia organisasi untuk diserahkan kepada penyelia UUM.

PERTUKARAN TEMPAT PRAKTIKUM

- Pelajar **tidak dibenarkan** untuk menukar pusat praktikum dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Sekiranya pertukaran melibatkan Organisasi yang sama atau atas sebab-sebab tertentu seperti penutupan organisasi, kemusnahan akibat bencana dan gangguan kerja di organisasi terbabit, pelajar perlu mengemukakan permohonan secara bertulis berserta bukti yang berkaitan kepada Pengarah PACE.
- Bayaran Penalti **RM500.00** akan dikenakan sekiranya pelajar memohon pertukaran tanpa alasan yang kukuh.

PENULISAN DAN SERAHAN LAPORAN

- Rujuk dokumen yang diberikan oleh pihak PACE.
- Dokumen adalah berbeza bagi setiap program mengikut pusat pengajian masing-masing.

- Laporan perlu dihantar ke pejabat PACE dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh akhir praktikum.

GRES TIDAK LENGKAP (TL)

Sekiranya pelajar gagal menghantar laporan dalam tempoh 2 minggu selepas tamat praktikum,

- 1- Pelajar perlu memohon gred tidak lengkap (TL).
- 2- Gred TL perlu ditebus dalam masa 3 minggu dari tarikh permohonan TL.
- 3- Sekiranya pelajar gagal untuk menghantar dalam tempoh tersebut, pelajar diberikan masa selama 2 minggu lagi untuk menghantar laporan dengan dikenakan penalti penurunan satu gred.
- 4- Selepas daripada tarikh ini sekiranya pelajar masih tidak menghantar laporan maka gred F akan diberikan.